

11/01/2003

Ling berkorban untuk kepentingan MCA, negara

Dr Mohd Azam Rauzan

PENGUMUMAN Datuk Seri Dr Ling Liong Sik untuk meletakkan jawatan daripada

Kabinet bukan sesuatu yang mengejutkan. Ia juga bukan lagi untuk 'berseloroh'. Ini adalah kali kedua beliau berbuat demikian, selepas kali

pertama menyatakan hasrat untuk mengundurkan diri pada 22 Mei 2000.

Ling yang juga Menteri Pengangkutan dan Presiden MCA pasti mengambil kira beberapa aspek penting sebelum membuat keputusan itu.

Pada hemat saya, ini adalah penghormatan serta pengorbanan yang paling berharga diberikan oleh seseorang pemimpin, seperti Ling kepada MCA dan negara dalam politiknya.

Saya amat tersentuh dengan alasan beliau ketika dikemukakan soalan oleh

pemberita iaitu: "Ini adalah waktu yang paling sesuai untuk saya bersara.

Dengan pembukaan Universiti Tunku Abdul Rahman, saya sudah selesai menjalankan tugas kepada negara. Saya rasa agenda saya sudah lengkap. Saya

cuba bersara pada 2000 tetapi gagal."

Pengumuman hasrat persaraan oleh Ling harus membuka mata kepada banyak pihak, terutama pemimpin pertubuhan tidak kira sama ada politik, bukan politik atau kesatuan awam untuk menerima hakikat bahawa jawatan yang disandang bukanlah hak hakiki seseorang.

Sebelum ini, rakyat Malaysia terharu apabila Perdana Menteri memutuskan

untuk mengundurkan diri secara mengejut pada pertengahan tahun lalu ketika

tidak ada sesiapaupun terfikir bahawa beliau akan berbuat demikian.

Namun atas desakan pemimpin dan ahli Umno serta rakyat, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bersetuju untuk memimpin parti dan negara sehingga Oktober depan.

Hingga hari ini pun masih ramai rakyat berharap Dr Mahathir akan meneruskan kepemimpinannya.

Begitulah tingginya nilai kepemimpinan kerana sentiasa dihargai dan seharusnya menjadi contoh kepada pemimpin lain.

Kepemimpinan Dr Mahathir membawa rahmat dan melimpahkan nikmat hingga bukan saja kehadirannya disanjung dan dihormati, malah pengundurannya juga

ditangisi. Pengundurannya bukan kerana perebutan kuasa dan bukan juga disebabkan kepemimpinannya tidak diperlukan lagi. Inilah uniknya Umno.

Ini berbeza berbanding kebanyakan krisis kepemimpinan yang berlaku dalam

mana-mana pertubuhan dan parti politik di negara ini.

Kekalutan yang berlaku dalam kesatuan atau pertubuhan itu tidak memberi

persepsi buruk terhadap pemimpin dan ahlinya.

Benarlah, kita tidak dapat menafikan bahawa dengan adanya kedudukan serta jawatan yang tinggi memberikan seseorang itu kuasa. Tetapi

bukankah

kuasa itu satu amanah dan tanggungjawab? Kuasa adalah amanah dan anugerah yang boleh bertukar menjadi bebanan dan bukannya untuk kebanggaan.

Kepada pemimpin Islam, kuasa adalah anugerah dan amanah daripada Allah yang kemudiannya nanti akan dihisab di depan mahkamah rabbul-jalil.

Sejauh

manakah pemimpin kita menginsafi akan tugas dan kesedaran ini?

Dr Mahathir pernah mengingatkan pemimpin politik mengenai lapan perkara

yang mesti dihindari kerana ia hanya akan membawa bencana iaitu gejala tamakkan kuasa, dendam, kebencian, hasad dengki, ketaksuban kepada seseorang pemimpin, sikap oportunistik, mementingkan diri dan politik wang.

Jika semua gejala ini gagal dibendung dan dibuang jauh-jauh daripada tabiat manusia, terutama mereka bergelar pemimpin, maka kita akan menjadi

pemimpin yang mencampuradukkan perjuangan dengan kecenderungan sikap mementingkan diri, sekali gus menghakis moral, adab serta etika sebagai pemimpin syumul.

Justeru, ambillah iktibar daripada apa yang berlaku di depan batang hidung sendiri selama ini. Tiba masanya pemimpin tidak kira sama ada pemimpin politik atau pertubuhan masyarakat agar menghayati dan menginsafi perkara ini.

Mereka perlu mencerminkan diri dan menjenguk di sekeliling untuk bermuhasabah secara ikhlas dalam menentukan peranan serta pembabitan mereka kepada sesebuah pertubuhan.

"Budaya tidak mahu turun" selepas berada di atas sepatutnya tidak lagi menjadi amalan ketika negara sedang memasuki alaf negara maju menjelang 2020.

DR MOHD AZAM RAUZAN

Bandar Baru Uda, Johor Bahru